

**TEKS UCAPAN**  
**Y. BHG. BRIG. JEN DATO' PROF. DR KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UniMAP**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS TAMAT LATIHAN DAN PENTAULIAHAN KOR**  
**SUKARELAWAN POLIS**  
**SISWA SISWI (SUKSIS) UniMAP 2010**  
**DI DEWAN WARISAN PADA 28 JUN 2010**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang dihormati, SAC I Dato' Haji Ghazali bin Md Amin, Ketua Polis Perlis serta Datin,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Merangkap Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Pegawai-Pegawai Tertinggi PDRM,

Ketua-Ketua Jabatan UniMAP, Dekan-Dekan, Pegawai-pegawai Kehormat Kor SUKSIS

Jurulatih-jurulatih Kor SUKSIS serta Semua Anggota Kor SUKSIS UniMAP.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya dan Keizinan-Nya maka kita dapat berada dalam majlis yang amat bermakna buat anak-anak didik saya iaitu Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UniMAP 2010.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua anggota Kor SUKSIS yang berjaya menempuh cabaran selama 6 Semester (3 tahun) selaku Kor SUKSIS yang pertama UniMAP. Saya percaya tanpa kecekalan dan semangat juang yang tinggi sudah pastilah kejayaan ini sukar ditempa sehingga berjaya menamatkan latihan dengan cemerlang. Apa jua tugas yang dilalui, harus dihadapi dengan tabah dan penuh bersemangat agar tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya kalungkan buat Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah pimpinan Dato' Haji Ghazali Md Amin di atas kerjasama dan segala bantuan yang dihulurkan dalam memastikan Kor SUKSIS UniMAP terus cemerlang. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat Jurulatih Kor SUKSIS di atas sumbangan dan kegigihan melatih dan membentuk anggota UniMAP supaya menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Hadirin Sekalian,

UniMAP telah mendapat kelulusan untuk menubuhkan Kor SUKSIS daripada Yang Dihormati Tan Sri Musa Hassan, Ketua Polis Negara pada 17 Julai 2006. Bermula dari saat itu, pada 4 Julai 2007, pegawai – pegawai PDRM telah mengadakan taklimat pengenalan Kor SUKSIS kepada pelajar baru sidang Akademik 2007 / 2008 sempena Program Minggu Suai kenal yang bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk menganggotai Kor SUKSIS .

Alhamdulillah hasil daripada temuduga tersebut seramai 63 orang pelajar dengan kekuatan dua platun yang terdiri daripada 44 lelaki dan 21 perempuan menyertai Kor SUKSIS. Bagi menjalankan urusan pentadbiran Kor SUKSIS seramai 10 anggota PDRM telah ditempatkan di Pejabat Kor SUKSIS UniMAP untuk melatih para pelajar. Dan saya amat

bersyukur dengan tertubuhnya Kor SUKSIS ini secara tidak langsung mampu membentuk keperibadian yang baik dikalangan mahasiswa UniMAP.

Sebagai mahasiswa UniMAP, anda harus bijak dalam menentukan masa depan anda. Apatah lagi anda bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dalam akademik malahan turut memiliki pengetahuan dan kebolehan dalam ilmu kokurikulum seperti SUKSIS ini.

Justeru itu, saya ingin menyeru anda semua agar bijak menggunakan Ilmu pengetahuan yang ada dan dijadikan sebagai pedoman dengan pegangan agama yang kukuh, disiplin diri yang kental dan sentiasa meletakkan kepentingan negara, agama dan bangsa di hadapan.

Saya yakin, mahasiswa yang bergiat dalam SUKSIS telah dilatih secara fizikal dan mental menghadapi segala cabaran khususnya persekitaran yang makin mencabar pada masa-masa akan datang. Lebih penting, anggota SUKSIS boleh meningkatkan keberkesanan PDRM dalam membanteras kegiatan jenayah di kawasan kampus dan sekitar kawasan penempatan.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

Setiap program latihan yang telah disusun adalah khusus kepada mahasiswa semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang diiktiraf sebagai modal insan yang penting dan strategik kepada negara kerana mereka adalah pewaris kepimpinan pada masa depan.

Ia merupakan satu usaha kerajaan untuk mendekati graduan dan remaja, menerusi aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan membina serta mampu mengimbangi pembentukan minda. Program latihan ini juga memberi pilihan kepada graduan untuk memperkayakan diri dengan kelainan dari segi pengetahuan dan pengalaman tambahan seterusnya memberi nilai tambah kepada mereka.

Jadikanlah disiplin diri sebagai satu nilai tambah kepada diri, walaupun tidak bekerja sebagai anggota polis. Keistimewaan anggota polis pada saya ialah latihan disiplin sehingga mampu menjadikan disiplin bukan lagi perkara luar yang dipaksa, tetapi sehati dengan setiap anggotanya. Disiplin ialah sesuatu yang kita lakukan setiap hari sehingga menjadi budaya.

Saya yakin jika anak didik dihadapan saya ini mengambil kaedah disiplin yang dipraktikkan dalam ilmu kepolisan, kita juga boleh menjadi seseorang yang berjaya. Ini kerana kejayaan selalunya berada bersama-sama dengan kerja kuat dan berdisiplin. Sikap sebegini juga penting setelah anda menempuh alam pekerjaan kelak kerana setiap majikan mahukan pekerja yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik malahan turut cemerlang dalam sahsiah juga.

Anak-anak pelajar sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan tahniah buat semua pelatih Kor SUKSIS yang berjaya mengharungi latihan selama tiga tahun ini dan anda bakal ditauliahkan sebagai Kor SUKSIS pertama UniMAP. Semoga segala pengorbanan yang dilakukan selama ini akan memberikan satu kepuasan dan kenangan yang sukar dilupakan.

Tahniah juga diucapkan kepada jawatankuasa perlaksana majlis ini di atas kerjasama anda dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Membeli Kain Ditengah Pekan,  
Singgah Sebentar Membeli Buah,  
Jika Ilmu Tidak Diamalkan,  
Bagai Pohon Tidak Berbuah

Tegak Berdiri Si Pokok Tebu,  
Diselang Seli Pohon Berangan,  
Mahasiswa Berdisiplin Negara Maju,  
Membentuk Perpaduan Menjamin Kegemilangan.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh